



Anwar bersama Prabowo bagi menghadiri Rundingan Tahunan Ke-13 di Istana Merdeka, semalam. (Foto BERNAMA)

KL, Jakarta capai persetujuan penting Rundingan Tahunan Ke-13

BERITA HARIAN 30 JUL 2025

Empat MoU ditandatangani merangkumi isu sempadan, peluasan kerjasama

Jakarta: Malaysia dan Indonesia mencapai beberapa persetujuan penting dalam Rundingan Tahunan Ke-13 yang berlangsung di Jakarta, semalam, termasuk isu sempadan, peluasan kerjasama ekonomi serta usaha mempercepat pelaksanaan projek tenaga baharu, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, antara pencapaian utama rundingan berkenaan ialah pemeteraian empat memorandum persefahaman (MoU) yang merangkumi isu sempadan, termasuk Pulau Sebatik serta kesihatan, maklumat dan komunikasi serta tadbir urus internet.

“Kami menyentuh pelbagai isu penting, termasuk sasaran perdagangan dua hala sebanyak AS\$30 bilion, kerjasama pelaburan di Ibu Kota Nusantara (IKN)

serta kemudahan akses rentas sempadan yang lebih lancar di Entikong,” katanya pada sidang media selepas rundingan berkenaan di sini semalam.

Anwar berkata, pelaburan Malaysia dalam sektor-sektor strategik di Indonesia berteraskan semangat tulus untuk memperkukuh kesejahteraan serantau.

Rakan pembangunan jujur

Perdana Menteri berkata, hasrat Malaysia ialah untuk menjadi rakan pembangunan yang jujur dan amanah dalam pelbagai bidang, termasuk tenaga boleh baharu dengan Sarawak sebagai hab eksport infrastruktur, perumahan, pendidikan dan teknologi.

Mengenai isu sempadan di Laut Sulawesi, Anwar berkata, perbincangan dijalankan berasaskan undang-undang antara-bangsa, khususnya Konvensyen Undang-undang Laut PBB (UNCLOS), serta kepentingan kedua-dua negara.

“Semangat kita ialah untuk menjaga kepentingan masing-masing sambil menghormati garis sempadan yang ditetapkan mengikut undang-undang antarabangsa. Kita teruskan dengan semangat itu supaya tiada ketegangan,” katanya.

Dalam soal keselamatan, Anwar berkata, Malaysia dan In-

donesia bersetuju untuk meningkatkan kerjasama melalui kerangka Perjanjian Kerjasama Trilateral (TCA) bagi memelihara ketenteraman Laut Sulu dan Laut Sulawesi.

Beliau berkata, keutamaan Malaysia kekal pada keselamatan strategik di Selat Melaka dan Laut China Selatan, sambil mengingatkan nasib rantau ini perlu ditentukan rantau ini sendiri, bukannya oleh kuasa luar.

Berhubung gesaan gelintir pihak di Indonesia supaya Malaysia membantu dalam isu melibatkan ahli perniagaan Indonesia, Mohd Riza Chalid, Perdana Menteri berkata, perkara itu perlu dipertimbangkan mengikut kerangka undang-undang.

“Setakat ini, kita hanya dimaklumkan secara umum dan belum menerima sebarang keterangan jelas berhubung perkara terbit. Namun, kita bersedia memberikan kerjasama penuh kerana Malaysia dan Indonesia ialah negara sahabat,” katanya.

Sebelum ini, media melaporkan Mohd Riza yang dinamakan pihak berkuasa Indonesia sebagai suspek kes rasuah berkaitan pengurusan minyak mentah PT Pertamina bagi tempoh 2018 hingga 2023, didakwa kini berada di Malaysia.